

Payu dara asli dan yang telah menjalani pembedahan memang tidak boleh dibezakan menggunakan mata kasar. Walaupun ia disentuh, kebanyakan orang biasa tidak boleh membezakannya melainkan doktor atau orang terlatih

CHEONG
YOU WEI

Oleh IKHWAN IDERIS
ikhwan.ideris@kosmo.com.my

NORA (bukan nama sebenar) mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan ketidakseimbangan hormon. Akibatnya, payu daranya tidak membesar.

Kesemua adik-beradiknya mempunyai payu dara yang normal, hanya Nora yang kelihatan seperti kanak-kanak.

Nora mengalami tekanan emosi kerana saiz payu daranya itu. Dia kini bercadang untuk menjalani pembedahan kosmetik untuk memperbaiki bentuk dan saiznya.

Berbeza dengan seorang wanita yang hanya ingin dikenali sebagai Noreen. Dia mempunyai saiz payu dara yang besar dan tidak padan dengan saiz badannya. Hal ini diakui sendiri oleh mereka yang mengenalinya.

Saiz

Noreen selalu berasa sakit di bahagian belakang tengkuk dan bahu disebabkan payu daranya yang besar.

Dia mengalami tekanan emosi dan selalu berasa seperti hendak menangis ketika ingin membeli baju dalam kerana ketiadaan saiz yang bersesuaian.

Selain mengalami sakit belakang setiap hari, Noreen juga berasa malu kerana payu daranya menarik perhatian orang di sekelilingnya.

Setelah berjumpa dengan doktor pakar, Noreen bercadang untuk membuat pembedahan bagi mengecilkan saiz payu daranya.

Hakikatnya, salah satu bahagian sensual tubuh seorang wanita adalah payu daranya. Tidak hairanlah bahagian tersebut seringkali mendapat perhatian yang lebih.


Di negara-negara Barat, salah satu cara wanita menonjolkan aset mereka itu adalah dengan pembedahan implan payu dara, tidak terkecuali selebriti seperti penyanyi Victoria Beckham dan pelakon, Pamela Anderson dan Kim Kardashian.

Bekas vokalis Spice Girls dan isteri bintang bola sepak England, David Beckham itu pernah men-

SESETENGAH wanita berasa rendah diri jika memiliki payu dara yang kecil.

Tiada beza dengan yang asli

Membesarkan saiz payu dara mungkin tidak popular di kalangan rakyat Malaysia tetapi ramai warga asing datang ke negara ini untuk mendapatkan rawatan seperti itu.



SUNTIKAN silikon pernah popular suatu masa dahulu bagi mencantikkan aset wanita itu.

KANAN: Kaedah implan paling berkesan untuk membesarkan saiz payu dara.

jalani pembedahan implan payu dara pada tahun 1990-an.

Pada waktu itu, implan payu dara memang sedang hangat diperkatakan dan mampu meningkatkan populariti seseorang selebriti.

Dalam wawancara dengan majalah *Vogue UK*, Victoria mengakui dia melakukan pembedahan itu sebagai 'cara untuk menghargai bentuk tubuh yang dianugerahkan Tuhan kepadanya.

Di Amerika Syarikat pula, semakin banyak remaja yang di-

laporkan mahukan implan payu dara sebagai hadiah hari jadi.

Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruksi Hospital Pantai Ampang, Dr. Cheong You Wei menjelaskan terdapat dua jenis pembedahan untuk membentuk payu dara iaitu pembedahan rekonstruksi dan pembedahan kosmetik.

Katanya, pembedahan rekonstruksi dilakukan apabila terdapat kecacatan pada payu dara pesakit, contohnya disebabkan kanser.

Kos RM10,000

Ia dilakukan dengan mengambil sedikit tisu dan kulit daripada tubuh pesakit sendiri, misalnya di bahagian abdomen yang kemudian digunakan untuk membentuk payu dara pesakit.

Pembedahan kosmetik pula dijalankan pada wanita yang mempunyai payu dara yang normal, tetapi mempunyai keinginan untuk memiliki bentuk dan saiz yang lebih menarik berbanding asal.

Menurut You Wei, pembedahan kosmetik dengan memasukkan implan merupakan pilihan paling mudah bagi mereka yang ingin mencantikkan payu dara berbanding suntikan silikon, penggunaan implan adalah mahupun krim.

"Menggunakan implan, kita boleh pilih pelbagai saiz yang kita mahu. Kalau mahu saiz yang lebih besar, penggunaan implan adalah paling berkesan.

"Memang banyak syarikat yang mengeluarkan pil dan krim yang dikatakan boleh membesarkan saiz payu dara tetapi kurang bukti atau kajian saintifik mengenainya," katanya.

You Wei berkata, kos untuk pembedahan kosmetik payu dara di Malaysia agak murah berbanding negara-negara jiran lain, dengan julat di antara RM10,000 hingga RM15,000.